

TEKS UCAPAN REKTOR: MAJLIS PEMBUKAAN
KURSUS '*QUALITY MANAGEMENT SYSTEM, QM2*'

6-7hb Mach 2002

Yang Berusaha Pengerusi Majlis,

Y.Bhg Timbalan Rektor Akademik,

Y.Bhg Timbalan Rektor Pembangunan dan Perancangan Korporat

Pegawai-Pegawai Kanan Universiti,

Dekan-Dekan

Yang Berusaha Encik Mohd Bakri bin Jali, Senior Project Executive, SIRIM Bhd.

Para Peserta Kursus, dan

Tuan-Puan yang saya kasihi.

Assalamualaikum wbt. Dan Salam Sejahtera.

Bersyukur kita ke Hadrat Illahi, hari ini dapat sekali lagi kita berjumpa dalam satu acara/majlis yang penting bagi Universiti kita ini. Sebelum ini kita telah pun berjaya mengadakan majlis di bangunan makmal Fasa B ini iaitu Majlis Kesyukuran Majlis Pecah Tanah dan juga Majlis Karnival Kesenian dan Kebudayaan KUTKM di sini.

Hari ini kita dapat menggunakan bangunan ini untuk satu lagi acara yang saya jangka akan menjadi nadi pergerakan KUTKM pada mana akan datang.

Mana-mana organisasi pun, mahupun di Malaysia lebih-lebih lagi di dunia ini mempunyai sistem pengurusan dan pentadbiran yang tersendiri. KUTKM tidak

terkecuali dari perkara ini. Kita bersyukur bahawa dalam masa yang singkat kita telah dapat menubuhkan beberapa unit dan jabatan yang bergerak aktif dalam meningkatkan promosi dan prestasi KUTKM, baik di peringkat negeri Melaka mahupun di peringkat nasional.

Hari ini satu kursus yang saya rasa amat penting dijalankan di sini. Kursus ‘Quality Management System’ ini dianjurkan oleh fakulti ini dengan kerjasama SIRIM Sdn Bhd. amat besar maknanya kepada kita. Dalam era globalisasi ini, ada beberapa ciri yang perlu diterapkan sebagai satu sistem. Antara lain adalah pengetahuan, kemahiran dan kemahuan untuk berjaya di pelbagai lapangan sama ada di sektor awam mahupun swasta. Satu lagi ciri yang diberi penekanan ialah kualiti sesebuah organisasi.

Kualiti sesebuah organisasi diukur dari kebolehan organisasi itu dapat menyelesaikan masalah dalam masa yang telah ditentukan, secara berkesan dan cekap. Ini semua boleh dijalankan sekiranya ada satu sistem yang mantap. Untuk tujuan itu, kaedah pensijilan yang bertaraf antarabangsa dikemukakan dalam bentuk ISO 9000:2000. Pensijilan yang dikeluarkan oleh pihak yang bertanggungjawab memberi makna bahawa sesebuah organisasi itu mempunyai dapat mengikuti teknik dan tatacara kerja yang betul lagi berkesan. Saya rasa KUTKM sebagai IPTA yang muda dan baru mempunyai visi dan misi yang kukuh ke arah mencapai pengiktirafan ISO 9000 ini.

Walaupun begitu, kita jangan lupa bahawa ini memerlukan pengorbanan dan kerja kuat dari semua warga KUTKM. Pelbagai kerja perlu dilakukan dan diselaraskan. Antara lain termasuk mendokumentasikan semua tatacara kerja, kawalan dan teknik, penyediaan manual dan prosedur kualiti, arahan kerja, senarai semakan

(*check list*), borang-borang dan deskripsi kerja. Sebagai langkah awal, kursus ini boleh memberi idea dan pandangan bagaimana tatacara dan tatakkerja tersebut boleh dilakukan. KUTKM memang berhasrat untuk mendapatkan pengiktirafan ini dan akan dijangka meliputi semua komponen KUTKM. Oleh kerana semua warga terlibat saya rasa amat wajar ditubuhkan satu Majlis Kualiti peringkat universiti untuk mengkaji, menyemak dan pada akhirnya melaksanakan konsep ISO ini. Inilah salah satu daripada objektif KUTKM yang terdekat.

Disamping mempunyai tujuan untuk mendapatkan pengiktirafan ISO 9000 ini, kita semua harus peka terhadap perkembangan semasa dalam bentuk mempertingkatkan keupayaan kita dan universiti dalam era dunia tanpa sempadan yang mengandungi pelbagai cabaran. Pengetahuan yang sesuai dan penerimaan maklumat perlu dilakukan dengan rapi supaya kerja yang ingin dilaksanakan itu pantas berlaku. Ini adalah salah satu dari aspek kualiti yang ingin diterapkan di sini. Persaingan berlaku bukan sahaja di peringkat nasional malah berlaku di peringkat antarabangsa, seperti contoh mendapatkan pelajar dari luar negara dan gran penyelidikan antara bangsa. Jika KUTKM mampu mendapatkan pengiktirafan ISO 9000:2000 ini dalam masa yang singkat, bukan sahaja ramai pelajar dari luar negeri Melaka datang belajar di sini, malah pelajar luar negara seperti dari Asia-Pasifik, Timur Tengah dan Eropah Timur akan bertumpu ke sini. Ini akan menjayakan, secara langsung atau tidak, cita-cita Kerajaan Negeri secara khusus dan Kerajaan Pusat secara khas di bawah pimpinan Datuk Seri Utama Perdana Menteri yang kita kasihi, menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara yang maju menurut kaedah Wawasan 2020.

Di sini saya berharap agar peserta kursus dapat mengikuti program yang telah dirancang dengan baik serta boleh memberi pandangan yang bernas untuk

memperkembangkan lagi usaha KUTKM dalam memenuhi tuntutan moto universiti iaitu 'Kompetensi Teras Kegemilangan'.

Dengan lafaz Bismillahi Rahmani Rahim, saya dengan sukacitanya merasmikan kursus 'Quality Management System, QM2', anjuran Fakulti Kejuruteraan Pembuatan dengan kerjasama SIRIM Sdn Bhd.

Wabillahi Taufik Wal Hidayah

Assalamualaikum Wmt Wkt.